

BAB KEDUA

PERKEMBANGAN PENERBITAN DOKUMENTARI

2.0 PENGERTIAN DOKUMENTARI

Dokumentari berasal dari perkataan ‘*document*’ yang berakar umbi dari perkataan Latin iaitu ‘*Docere*’ yang membawa erti mengajar (Paul Rotha, 1935; hlm. 5). Ada juga yang mengaitkan dokumentari dengan istilah Perancis iaitu ‘*dokumentaibe*’ yang digunakan untuk membezakan filem cereka dengan filem-filem yang melibatkan pemandangan yang indah, yang biasanya digunakan untuk pengajaran dan pendidikan dalam masyarakat. Ini dilakukan oleh *Robert Flaherty* semasa pembikinan filem dokumentari kedua beliau *Moana* pada tahun 1926. Beliau mengarah dan menggabungkan unsur-unsur lakonan dan alam semulajadi dalam dokumentari yang mengisahkan *John Grierson*, seorang anak muda berbangsa Scotland yang telah berhijrah ke United States((Paul Rotha, 1935; hlm. 5).

Selain itu *Raymond Spottis Woode* dalam bukunya *A Grammer of The Film* berpendapat filem dokumentari adalah subjek dan pendekatan yang menyatakan tentang pendramaan kehidupan manusia yang mempunyai

hubungan dengan kehidupan institusinya samaada dalam perindustrian, sosial atau politik dan disampaikan dalam bentuk kandungan (Raymond Spottis Woode, 1995, hlm. 12).

Michael Rabiger dalam bukunya *Directing The Documentary* pula menyifatkan dokumentari televisyen sebagai filem naratif yang dibuat mengenai kehidupan manusia dan masyarakat menurut pandangan tertentu bagi menunjukkan dunia kehidupan yang sebenar. Ia mungkin boleh melibatkan pelakon dan mungkin tidak melibatkan pelakon. Walaupun masyarakat menganggap dokumentari hanyalah sebahagian daripada rancangan televisyen, hakikatnya dokumentari bukan saja mempunyai objektif tertentu tetapi juga menunjukkan bukti-bukti tertentu dan menceritakan tentang kebenaran sesuatu peristiwa (Michael Rabiger, 1998; hlm. 3).

Definisi ini bersesuaian dengan definisi yang diberikan oleh jawatankuasa hadiah dokumentari terbaik *Academy of motion Picture Arts and Sciences Amerika Syarikat* yang menyatakan filem dokumentari sebagai penerbitan yang dibuat secara terus atau melalui perancangan berkaitan dengan perkara sejarah, sosial, perkembangan sains atau ekonomi dengan menekankan hal-hal yang berkaitan dengan fakta.

2.1 SEJARAH AWAL PENERBITAN DOKUMENTARI

Sejak dahulu pemilihan **subjek** menjadi asas utama kepada kejayaan sesebuah filem dokumentari. *Robert J. Flaherty* yang memulakan penghasilan dokumentari pertama di dunia bertajuk *Nanook of The North* (1922) telah memilih kehidupan orang-orang Eskimo sebagai subjek utama dokumentari beliau.

Beliau tidak berapa berjaya di dalam percubaan pertama tetapi kemudian mendapat inspirasi dan membuat perubahan di dalam pembikinan filem dokumentari beliau melalui teknik-teknik terbaru serta gabungan audio serta visual yang lebih dramatik. Antara dokumentari yang paling berjaya ialah *Man of Aran* (1934) dan *Lousiana Story* (1948). Dokumentari berkenaan menggunakan dialog dan unsur-unsur konflik secara dramatik dan suspen.

Michael Rabiger (1998) berpendapat perancangan pembangunan sesebuah dokumentari mungkin mengambil masa bertahun-tahun, berbulan-bulan, berminggu-minggu atau hanya memerlukan beberapa hari sahaja. Ia bermula dengan cetusan idea, membuat skrip, menyusun tahap penggambaran, penyuntingan dan menyerahkan salinan siap dokumentari

berkenaan kepada stesyen televisyen untuk tayangan (Michael Rabiger, 1998; hlm. 5).

Robert J. Flaherty menggunakan visual yang mudah difahami tetapi paparannya menarik dengan unsur-unsur budaya tempatan seperti yang berlaku dalam *Man of Aran(1934)*. Kehidupan watak utama *Maggie* penuh dengan cabaran sejak zaman kanak-kanak lagi. Maggie bersama ahli keluarga lain hidup berdikari, cekal dan berani. Dari segi pengurusan kerja, amalan pembikinan dokumentari yang dilakukan *Flaherty* kelihatan begitu mudah. Namun begitu dokumentari yang dihasilkannya sentiasa kaya dengan mesej dan nilai-nilai kemanusiaan yang tinggi.

Semasa membuat penggambaran dokumentari kedua, beliau bersama isteri dan anak-anak perempuannya melakukan tinjauan kehidupan masyarakat Samoa beberapa bulan sebelum membuat keputusan untuk membuat dokumentari mengenai remaja Samoa yang perlu melalui proses “*tatooing*” untuk membuktikan kekuatan mereka. Akhirnya lahirnya dokumentari kedua beliau bertajuk *Moana(1926)* yang kaya dengan nilai budaya masyarakat Samoa dan kehidupan harian mereka di dalam hutan, laut dan tepi pantai.

Amalan Flaherty yang unik ialah memilih untuk tinggal bersama masyarakat yang dikajinya. Beliau lebih selesa berada di lokasi sepanjang waktu untuk mengikuti perkembangan aktiviti masyarakat dengan lebih dekat.

Footage yang diambilnya kemudian akan disusun terlebih dahulu sebelum beliau membuat skrip. Sesuatu yang menarik ialah semasa penggambaran, beliau mengutamakan shot yang menggunakan tripod dan begitu teliti dengan jenis shot seperti *long shot, medium shot, close up, matching action* dan sebagainya.

Beliau pada mulanya menggunakan kamera *Mitchell* tetapi kemudian berubah menggunakan kamera *Bell and Howell* untuk membuat penggambaran. Kemudian beliau menggunakan *akeley* iaitu sebuah kamera *gyroscopic* diikuti pula dengan kamera *newman Sinclair* di mana merupakan kamera yang standard yang biasa digunakan dalam penggambaran dokumentari.

Suatu unsur yang paling diberi keutamaan oleh *Flaherty* dalam penggambaran dokumentari ialah menggunakan kreativiti dan daya imaginasi yang tinggi. Sebagai penerbit dan pengarah, beliau seboleh

mungkin mengkaji secara mendalam mengenai subjek dokumentari berkenaan. Hasilnya dokumentari yang diterbitkan bermutu tinggi dan mempunyai mesej tersendiri. Cara bekerja yang dipelopori oleh *Flaherty* kemudiannya diikuti oleh penerbit lain yang seangkatan dengannya.

Siri dokumentari yang diterbitkan pada era 1920-an memilih subjek yang pelbagai terutama mengenai suasana perubahan yang berlaku di sekeliling manusia, ciptaan-ciptaan baru dan kejadian alam.

Antara dokumentari awal yang dihasilkan pada tahun 1920-an ialah; *The Bridge* oleh John Uvens (1927), *The Eiffel Tower* oleh Rene Clair (1927), *La Zone* oleh Georges Lacombe (1927), *Berlis: The Symphony of a Great City* oleh Walter Ruttmann (1927) dan *Rain* oleh Joris Ivens (1929).

Kebanyakkhan pengarah dan penerbit ketika itu mencuba-cuba sesuatu yang baru dan tidak banyak teknik yang digunakan. Pada tahun-tahun 1930-an keadaan mula berubah. Penerbitan dokumentari mula digunakan sebagai alat propaganda politik dan perjuangan menuntut keadilan golongan pekerja seperti yang berlaku di Britain. Antara dokumentari yang diterbitkan dan mendapat perhatian dunia ketika itu ialah *Industrial Britain* oleh Robert J. Flaherty pada tahun 1933, *Aero Engine* oleh

Arthur Elton pada tahun 1933, *Housing Problems* oleh Edgar Anstey dan Arthur Elton pada tahun 1935 dan *The Face of Britain* oleh Paul Rotha pada tahun 1934.

Kerajaan Rusia dan German, dua kuasa besar ketika itu juga menggunakan dokumentari sebagai alat menjelaskan ideologi perjuangan mereka dan perancangan perindustrian di negara masing-masing kepada umum. Antara dokumentari tersebut ialah *Enthusiasm (symphony of the Don Basin)* oleh Dziga Vertov pada tahun 1931 yang mengisahkan mengenai kejayaan Rusia membangunkan kawasan perindustrian Don Basin.

Sementara di German, seorang pengarah yang mendapat pujian Hitler iaitu Leni Riefenstahl menerbitkan *Triumph of the Will* pada tahun 1936 yang mengisahkan kejayaan sistem Nazi di negaranya.

Walaupun ramai penerbit dokumentari ketika itu bekerja dengan kerajaan masing-masing dan menerbitkan siri-siri dokumentari sebagai alat propaganda ideologi masing-masing, terdapat juga kumpulan pengarah dan penerbit persendirian yang bergerak aktif ketika itu. Antaranya Joris Ivens dan Ernest Hemingway yang menerbitkan *Spanish Earth* pada tahun 1937, Herbert Kline dan Alexander Hammid menerbitkan *Crisis*

pada tahun 1938 serta Julien Bryan yang mengambil kisah-kisah kemanusiaan di sebalik kejatuhan Poland sebagai subjek dokumentarinya, menerbitkan dokumentari bertajuk *Siege* pada tahun 1939.

Selain itu terdapat juga dokumentari umum yang menggunakan subjek perubahan alam dan kemanusiaan diterbitkan pada tahun-tahun 1930-an dan mendapat sambutan serta memberi kesan yang mendalam mengenai kepentingan menjaga alam sekitar kepada ahli masyarakat ketika itu. Antaranya ialah dokumentari *The River* oleh Pare Lorentz pada tahun 1937 yang mengabungkan kisah sejarah lembah Mississippi dan keadaan hakisan tanah yang berlaku sejak beberapa lama.

Dokumentari ini turut memasukkan unsur-unsur muzik dan skrip bersajak yang cukup memberi kesan kepada penonton. Dokumentari ini telah dapat menyedarkan masyarakat mengenai kepentingan menjaga alam sekitar dan ia berjaya menggerakkan pakar alam sekitar, ahli geografi dan politik berkumpul dan membincangkan usaha-usaha mengawal banjir, mengekalkan keaslian sungai dan merancang pembangunan di kawasan-kawasan lembah supaya pembangunan tidak memberi kesan sampingan kepada alam semulajadi.

Dokumentari lain yang juga menarik dan dianggap sebagai alat komunikasi berkesan bagi menerangkan hubungan alam dan manusia ialah *The World Today* oleh Nykino pada tahun 1936, *The Silent Enemy* oleh H.P. Carver (1930) dan *Imperial Valley* oleh Seymour Stern pada tahun 1931.

Tema kemanusiaan dan alam sekitar ini kemudian mula dilupakan pada dekad 40-an apabila berlaku perang dunia kedua di mana kebanyakkannya negara menerbitkan dokumentari dengan tujuan menjadi alat propaganda kerajaan masing-masing. Negara Britain contohnya menerbitkan *The Lion Has Wings* (1940) dan *Target for Tonight* (1941) yang mengisahkan kegagahan dan kebolehan pasukan tentera udaranya.

Namun begitu filem dokumentari yang paling menarik diterbitkan oleh David Mac Donald pada tahun 1943 iaitu dokumentari *Desert Victory*. Ia menggambarkan mengenai kegigihan, kecekalan dan kesungguhan tentera British meredah padang pasir sehingga 1300 batu untuk menawan Libya.

Negara Jerman juga menerbitkan siri dokumentari yang mengisahkan kejayaan Nazi menawan Perancis dan negara Poland. Dokumentari ini dijadikan sebagai alat menanamkan keyakinan kepada rakyatnya mengenai perjuangan nazi menguasai Eropah. Antaranya *Baptism of Fire*

AS11117570

(1940) dan *Victory in The West* (1941) yang diterbitkan oleh unit filem tentera Jerman .

Penerbitan dokumentari di Amerika pula pada tahun-tahun 40-an banyak dipengaruhi oleh serangan Jepun terhadap Pearl Harbour pada tahun 1943. Samuel Spewack menerbitkan dokumentari bertajuk *The World at War* (1943), iaitu sebuah filem dokumentari yang diolah semula berdasarkan *footage* sebenar peristiwa serangan Jepun ke atas Pearl Harbour.

Bahkan sejak itu unit dokumentari filem tentera Amerika terus menerbitkan siri-siri dokumentari mengenai peperangan dan kebanyakannya memberi gambaran mengenai kejayaan operasi tentera Amerika di serata dunia. Antara filem dokumentari yang termasuk di dalam siri ini ialah; *Prelude to War* (1943), *The Nazis Strike* (1943), *Divide and Conquer* (1943), *The Battle of Britain* (1943), *The battle of China* (1944), *The Battle of Russia* (1944) dan *War Comes to America* (1945).

Perubahan tema penerbitan dan peningkatan mutu penerbitan lebih ketara pada siri-siri dokumentari yang diterbitkan pada tahun-tahun 50-an. Ini kerana banyak penemuan baru di dalam pelbagai bidang seperti Sains,

perubatan, psikologi, pendidikan dan perhubungan. Kebanyakan penerbitan siri-siri dokumentari ini pula dibiayai oleh syarikat-syarikat perniagaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan badan-badan amal yang ada ketika itu.

Mutu penerbitannya lebih baik dengan penggunaan muzik, grafik dan rakaman suara latar yang lebih menarik. Tujuan utama dokumentari ini adalah untuk pendidikan, menyedarkan masyarakat mengenai ilmu pengetahuan dan menyeru orang ramai supaya meneroka bidang-bidang baru di dalam kehidupan.

Contohnya dokumentari *Steps of Age* (1951) oleh Ben Maddow dan Helen Levitt (1951) serta *A Place to Live* (1955) oleh Lee Bobker (1955) yang berkisar tentang kehidupan manusia dan menimbulkan persoalan mengenai perubahan umur dan keperluannya. *Battle of Bread* (1950) pula mengisahkan mengenai usaha-usaha Bangsa-Bangsa Bersatu meningkatkan pengeluaran makanan dunia. Sementara *Project for Tomorrow* (1950) dan *Adventure in Sardinia* (1951) menekankan mengenai kepentingan dan tanggungjawab seorang rakyat di dalam usaha pembangunan dan pemulihan ekonomi sesebuah negara.

Pada tahun-tahun 50-an lahir penerbit dan pengarah dokumentari yang banyak menerbitkan dokumentari pendidikan. Antaranya Alexander Hammid dan Irving Jacoby yang menerbitkan *Angry boy* pada tahun 1951. Ben Maddow dan Helen Levitt yang menerbitkan *Steps of Age* pada tahun 1951.

Sejarah penerbitan dokumentari terus berkembang pada era-era 60-an, 70-an dan 80-an dengan kemunculan pelbagai syarikat perfileman yang menguasai pasaran filem-filem dokumentari di serata dunia. Pembikinannya juga jauh lebih menarik dengan pelbagai tema termasuk kemanusiaan, sains dan teknologi, angkasalepas, perperangan, alam sekitar, perjalanan dan banyak lagi kisah-kisah eksklusif manusia ternama yang dijadikan bahan dokumentari sepanjang tempoh berkenaan.

Antaranya ialah dokumentari mengenai hak asasi orang kulit hitam yang dihasilkan oleh Stuart Schulberg, *The Angry Voices of Watts* pada tahun 1966. Sementara peristiwa pembunuhan presiden Kennedy pada tahun 1962 turut menjadi bahan menarik dokumentari sepanjang tempoh berkenaan. Antaranya Mel Stuart menghasilkan *Four Days in November* pada tahun 1964 dan Bruce Herschensohn menghasilkan dokumentari *Years of Lighting, Day of Drums* pada tahun 1968. Dokumentari ketiga mengenai trajedi pembunuhan Kennedy ialah *Rush to Judgement* oleh

Emile de Antonio pada tahun 1967. Kisah peperangan di Vietnam, juga tidak kurang menjadi subjek utama penerbit dokumentari. Antaranya *Inside North Vietnam* yang diterbitkan oleh Felix Greene pada tahun 1967.

Kemunculan teknologi baru telah menyemarakkan lagi penerbitan siri dokumentari. Penggunaan peralatan moden semasa penggambaran dan teknik-teknik pos produksi yang terkini membolehkan dokumentari dihasilkan di dalam format video yang lebih ringkas dan mudah untuk dikendalikan.

Namun begitu siri-siri dokumentari terbitan tahun-tahun 30-an, 40-an dan 50-an terus mendapat perhatian masyarakat terutama kepada para pengkaji. Ini kerana dokumentari-dokumentari tersebut mempunyai keistimewaan tersendiri terutama dalam pemilihan subjek dan pendekatan jalan cerita, sesuai dengan perkembangan manusia dan alam sekeliling ketika itu. Tidak dinafikan mutunya tentulah tidak boleh dibandingkan dengan hasil penerbitan dokumentari ketika ini kerana kaedah penerbitan sentiasa berkembang mengikut perubahan masa dan teknologi yang semakin canggih.

2.2 PENERBITAN RANCANGAN DOKUMENTARI DI MALAYSIA

2.2.1 PENGENALAN

Bidang penyiaran di negara kita bermula pada tahun 1921 apabila A.L. Birch, seorang jurutera elektrik British membawa set radio pertama ke negara ini dan menubuhkan persatuan radio wireless Johor. Namun begitu, keperluan media radio sebagai alat menyampaikan maklumat lebih terasa selepas Jepun berundur dari Tanah Melayu pada tahun 1945. Usaha-usaha untuk menyampaikan maklumat kepada rakyat memerlukan alat yang lebih canggih. Oleh itu pada tahun 1946, British menubuhkan Jabatan Penyiaran di Singapura dan serentak dengan itu Radio Malaya dilancarkan pada 1 April 1946.

Sejak itu siaran radio yang bertujuan menyampaikan berita kepada rakyat berkembang dan mendapat sambutan daripada rakyat. Pada awal tahun 50-an, siaran Radio dipancarkan di studio sementara yang terletak di Jalan Cenderawasih. Kemudian pada tahun 1956, ia dipindahkan ke bangunan

Persekutuan, Kuala Lumpur. Rumah Persekutuan menjadi pejabat operasi dan perancangan yang banyak berjasa kepada masa depan media penyiaran di negara ini.

Sementara Televisyen Malaysia pula, mula dilancarkan di negara kita pada 29 Disember 1963 dengan menggunakan studio sementara di Dewan Tunku Abdul Rahman Kuala Lumpur. Sejak itu Radio Televisyen Malaysia (RTM) terus berkembang dengan memberi penekanan menghasilkan rancangan-rancangan yang berorientasikan pembangunan, menaikkan semangat cintakan negara, berita ehwal semasa, agama dan hiburan.

Sebagai media rasmi kerajaan, peranan RTM adalah berdasarkan kepada matlamat berikut: (Risalah RTM, 1997)

- i. Menerangkan dengan cara mudah dan dengan liputan seluas-luasnya dasar rancangan kerajaan bagi membolehkan rakyat memahami dengan tepat dan sepenuhnya, dasar dan rancangan tersebut.
- ii. Menggalakkan perhatian rakyat dan cara mereka berfikir untuk melahirkan perubahan-perubahan sikap yang sejajar dengan kehendak dan dasar kerajaan.
- ii. Membantu mewujudkan perpaduan kebangsaan melalui Bahasa Malaysia di kalangan masyarakat berbilang kaum.

- iv. Membantu melahirkan kesedaran sivik dan menggalakkan perhubungan seni dan kebudayaan Malaysia.
- v. Mengadakan bahan-bahan yang sesuai untuk menambah ilmu pengetahuan am, penerangan umum dan hiburan.

2.2.2 TELEVISYEN MALAYSIA

Televisyen Malaysia kini mengendalikan dua saluran iaitu TV 1 dan TV 2. Manakala terdapat dua siaran televisyen swasta iaitu TV 3 dan NTV7 yang boleh diikuti siaranya seluruh kawasan di Malaysia. Sementara stesen TV berbayar ASTRO yang mengendalikan lebih 25 saluran antarabangsa boleh diikuti oleh penduduk Malaysia, Singapura dan Brunei.

TV 1 memulakan siarannya pada 28 Desember 1963 menggunakan studio di Dewan Tunku Abdul Rahman, Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Setelah beroperasi selama enam tahun, operasi penyiaran TV 1 berpindah ke kompleks Angkasapuri pada 6 Oktober 1969. Pada tahun yang sama, bagi meningkatkan mutu penyiaran di negara ini, kerajaan melancarkan saluran baru di kenali sebagai TV2 – Saluran Emas pada 17 November 1969.

dalam penerbitan dokumentari dilihat lebih menyerlah sejak penubuhannya pada tahun 1946.

2.2.3 FILEM NEGARA MALAYSIA

Pada mulanya unit ini dikenali sebagai *Malayan Film Unit* dan kemudiannya ditukar kepada Filem Negara Malaysia. Tugas utama unit ini adalah menerbitkan siri dokumentari yang boleh membantu kerajaan mententeramkan rakyat, menolak kekacauan dan bersama membangunkan negara yang masih belum pulih sepenuhnya. Dokumentari pertama yang berjaya dihasilkan oleh unit ini bertajuk *Face of Malaya-1*. Ia membawa tema keamanan dan menceritakan usaha-usaha kerajaan membangunkan negara terutama projek-projek perumahan rakyat, kemudahan jalan raya dan aktiviti-aktiviti pertanian yang lebih tersusun (Filem Negara Malaysia, 1997).

Namun begitu terdapat filem-filem dokumentari yang diterbitkan lebih awal daripada tarikh tersebut. Antaranya *Malayan Motor Roads* pada tahun 1920, *Memories of Malacca* tahun 1921 dan *Malay Nights* pada tahun 1931.

Dari hari ke sehari, penerbitan dokumentari di negara ini terus berkembang. Amalan penerbitan dengan penggunaan peralatan yang lebih canggih telah membantu negara melahirkan dokumentari yang lebih baik. Antaranya dokumentari bertajuk *Di Kehendaki Kerana Membunuh* pernah ditayangkan dalam pesta filem Edinburgh pada tahun 1951.

Dalam laporan Tuan Stanley Hawes mengenai Malayan Film Unit, beliau berkata;

“ *Mutu teknik dan daya cipta filem-filem dokumentari keluaran MFU sungguh baik, terutama sekali seperti filem mengenai Universiti Malaya dan Gugor dari Utara*” (*Filem Negara Malaysia, 1997*).

Pada akhir 1949, unit ini mendapat peruntukan khas dan melangkah lebih berani untuk menghasilkan filem-filem dokumentari yang menarik. Sejak itu filem dokumentari Filem Negara Malaysia mendapat pengiktirafan antarabangsa. Antaranya ialah;

1. **1950** - *The Kinta Story* di Festival Filem Antarabangsa kali ke 4 di Edinburgh.
2. **1954** – *Before The Wind* dan *Building Bonny Babies* di Festival filem Asia Tenggara pertama di Tokyo.

3. **1955** – *Hassan's Coming Home dan Youth in Action* di Festival Filem Asia Tenggara.
4. **1955** – *Malacca Then & Now* di Festival Filem Cambodia dan hadiah penghargaan Festival Filem Antarabangsa ke 9 Edinburgh.
5. **1956** - *Timeless Temiar-* Anugerah gambar terbaik Festival Filem Asia di Hong Kong.
6. **1956**- *Valley of Hope* memenangi hadiah perancangan terbaik di pameran Antarabangsa ke 9.
7. **1957** – *Wayang Kulit* memenangi hadiah Tostal Harp perak – Festival filem antarabangsa Edinburgh dan Festival Filem Melbourne ke-6.
8. **1958** – *Merdeka for Malaya* memenangi hadiah *Golden Harvest Award* dan hadiah Istimewa bagi rakaman terbaik detik-detik peristiwa dalam sejarah semasa di Festival Filem Asia ke-5 di Manila.
9. **1960** – *Master Kun Yong* memenangi hadiah istimewa Festival Filem pertanian antarabangsa di Berlin dan hadiah pingat perak di *Royal Society of Arts Commonwealth Film Award* London.
10. **1961** – *Batu Caves* memenangi hadiah *Golden Harvest Award* di Festival Filem Asia ke-8 di Manila dan diploma penyertaan di Festival Filem Berlin.
11. **1964** – *Bapa Malaysia* – Hadiah *Golden Harvest* dan *Subsidiary Award* di Festival Filem Asia di Taipei.

12. **1964** – *Birth of Malaysia* – Hadiah *Eric Johnston* bagi sumbangan terbaik ke arah persefahaman Antarabangsa.
13. **1964** – *Mata Permata* – Hadiah bagi sumbangan kepada Pembangunan Pelajaran Sosial.
14. **1965** – *Good Eating* – Hadiah *Golden Harvest* dan sijil bagi diskripsi Cemerlang, langkah Asia ke arah kemajuan di Festival Filem Pertanian Antarabangsa di Berlin.
15. **1968** – *Nothing Succeeds Like Success* memenangi dua hadiah di Festival Antarabangsa Asia dan Negara-Negara Afrika pertama di Moscow.
16. **1970** – *The New Spirit* memenangi tiga hadiah – hadiah istimewa di Festival Filem Pertanian Antarabangsa di Berlin, hadiah khas FAO dan Hadiah Pertubuhan Filem Khatolik Antarabangsa.
17. **1970** – *The Red Book* – Hadiah pertama bagi gambaran terbaik dan perancangan terbaik di Festival Filem Asia di Jakarta.
18. **1975** – *Perayaan 10 tahun Merdeka* – hadiah Mitra di Festival Filem Asia ke-21 di Jakarta.
19. **1975** – *Gasing* - memenangi hadiah Mitra di Festival Filem Asia ke-21 di Jakarta bagi penglahiran Nilai-nilai Kebudayaan Kebangsaan.
20. **1976** – *Hasil Dari Kolam* – memenangi hadiah istimewa di Festival Filem Pertanian di Berlin.

Demikianlah antara kejayaan masa lalu, sejak 1964 filem dokumentari yang dihasilkan oleh Filem Negara Malaysia sentiasa mempunyai ikatan dan tautan dengan perubahan dan pembangunan negara ini. Dokumentari yang dihasilkan bermatlamat membantu usaha-usaha kerajaan dalam penyusunan semula masyarakat dan meningkatkan perpaduan nasional.

Sementara di peringkat antarabangsa, ia memberi gambaran yang sebenar mengenai kejayaan dan usaha negara Malaysia untuk mewujudkan kawasan aman, bebas dan berkecuali di Asia Tenggara.

Dari aspek tema dan persoalan yang ditonjolkan, penerbitan dokumentari peringkat awal di negara ini mempunyai kepelbagaiannya sesuai dengan aspirasi negara yang berbilang kaum dan berusaha meningkatkan perpaduan nasional. Antara kategori dokumentari tersebut ialah;

1. Pertanian

- i. *Rubber From Malaya* (1955)
- ii. *Gentle Farmer* (1969)
- iii. *Hasil Dari Kolam* (1975)
- iv. *Hari Peladang* (1976)

2. Antropologi

- i. *Timeless Temiar* (1956)

ii. *Senoi Serok I-IV* (1975-76)

3. Budaya

- i. *Wayang Kulit* (1956)
- ii. *Senidra Mak Yong* (1972)
- iii. *Malay Songs & Dance* (1953)
- iv. *Siri Asli Abadi* (1973)
- v. *Alat-alat Kebesaran DiRaja Siri* (1976)

4. Ekonomi

- i. *The Golden Queen* (1955)
- ii. *Potrait of Prosperity* (1965)
- iii. *Usahasama* (1974)
- iv. *Partners For Prosperity* (1975)

5. Pendidikan

- i. *Harvest Ahead* (1951)
- ii. *Ejaan Baru Malaysia* (1974)

6. Mengundi

- i. *The People Choice* (1953)
- ii. *Pilihanraya* (1974)

7. Darurat

- i. *The Magic Word* (1952)
- ii. *Jungle Fort* (1953)
- iii. *Our Fight Against Communist Bandits* (1972)

8. Hal Ehwal Luar

- i. *Malaya At The United Nations* (1958)
- ii. *Kejayaan Diplomatik Malaysia – China* (1974)
- iii. *Hubungan Lebih Erat Malaysia Negara Arab* (1975)
- iv. *Persidangan Kemuncak Asean Di Bali* (1976)

9. Media Massa

- i. *Malaya Speaks* (1955)
- ii. *Angkasapuri* (1975)

10. Khidmat Sosial

- i. *A Better Man* (1973)
- ii. *Corridors of Faith* (1966)
- iii. *Kampong Air Ganda* (1976)

11. Riadah/ Permainan Tradisi

- i. *Games Of Past Times* (1959)
- ii. *Gasing* (1976)

12. Filem Berita Khas

- i. *Siri Gazette Malaya Baru* (bermula 1952)
- ii. *Siri Majalah Malaysia* (bermula 1963)
- iii. *Siri Kemajuan Negara Malaysia* (bermula 1964)
- iv. *Siri Malaysia Seminggu* (bermula 1967)
- v. *Siri Majalah Sarawak* (Bermula 1969)
- vi. *Siri kemajuan Sabah* (bermula 1972)

13. Pelancongan

- i. *Siri Know Your Malaya* (1954-55)
- ii. *Land Of The Hornbill* (1952)
- iii. *Pearl Of The Orient* (1971)
- iv. *Malaysia* (1975)

14. Treler

- i. *Road Safety* (1954-55, 1976)
- ii. *Dedahkan Komplot Sorok* (1974)
- iii. *Jimatkan Air* (1976)

Perkembangan filem dokumentari semakin berkurangan pada tahun 80-an dan 90-an. Tugas dan peranan Filem Negara Malaysia mula diambil alih sepenuhnya oleh RTM. Tambahan pula keadaan ekonomi yang tidak menentu menyebabkan peruntukan menerbitkan filem-filem dokumentari dikurangkan.

Sepanjang tahun 80-an hanya 235 buah filem dokumentari sahaja berjaya dihasilkan berbandingkan dengan 471 buah filem dokumentari yang dikeluarkan pada sepanjang tempoh yang sama tahun 70-an. Antara filem dokumentari pada tahun 80-an ialah *50 Tahun Taman Negara, Orang Hutan dan Something Wonderfull*.

Sepanjang tahun 1990-an pula, penghasilan filem dokumentari turut berkurang kepada 157 buah sahaja. Filem cereka yang bercorak komersial serta pelbagai rancangan televisyen yang membawa konsep hiburan, tema-tema kisah dan kekeluargaan mengambil alih peranan filem dokumentari.

Namun, terdapat juga usaha-usaha pihak swasta dan stesyen televisyen yang menerbitkan siri dokumentari menarik berkaitan tema pelancongan, perjalanan dan keagamaan. Antaranya seperti *Jejak Rasul*, *Warna-Warna Malaysia dan Salam Nusantara*. Penggunaan filem dalam penghasilan siri dokumentari juga beralih kepada penggunaan kamera video digital yang lebih canggih dan mudah.

Jumlah penerbitan filem dokumentari yang dikeluarkan oleh Filem Malaysia mengikut tahun.

TAHUN	JUMLAH
1947	4
1948	9
1949	5
1950	17
1951	34
1952	68

1953	51
1954	43
1955	50
1956	33
1957	35
1958	35
1959	61
1960	52
1961	72
1962	57
1963	51
1964	50
1965	73
1966	52
1967	97
1968	99
1969	62
1970	65
1971	42
1972	67
1973	48

1974	35
1975	33
1976	46
1977	45
1978	64
1979	34
1980	34
1981	39
1982	40
1983	18
1984	23
1985	22
1986	38
1987	19
1988	21
1989	29
1990	25
1991	22
1992	18
1993	18
1994	22

1995	32
1996	18
1997	4
1998	13
1999	10
JUMLAH	2054

Sumber : Filem Negara Malaysia